

# UiTM pameran **belang**

Lima pemain B-20 bantu pasukan julang Piala Cup ragbi tujuh sepasukan



**SUKAN  
VARSITI**

ARENA mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di peringkat Kolej/IPTA/IPTS. Hantarkan berita dan gambar ke [sukan@hmetro.com.my](mailto:sukan@hmetro.com.my).

>>Oleh Mohd Rafi Mamat

**K**EHADIRAN lima pemain Bawah 20 Tahun kebangsaan memberi kelebihan kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk muncul juara kategori Cup ragbi tujuh sepasukan Karnival Siri 1 Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2012.

Pada saingan akhir di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Dua, UiTM selaku juara bertahan tidak banyak menghadapi masalah membenam Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 19-12.

Di separuh akhir, UiTM menewaskan Universiti Malaysia (UM), 5-0 manakala UTM menjinakkan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 20-12.

Kapten UiTM, Syahir Asraf Rosli berkata, pengalaman luas pemain terutamanya yang beraksi bersama skuad kebangsaan menjadi aset mereka untuk meraih kejayaan itu.

Menurutnya, kejayaan ini menepati sasaran untuk merangkul kejuaraan sebelum bersaing pada Siri 2 di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) seterusnya Siri 3 di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu.

"Kejayaan ini diharap menjadi pembakar semangat dan landasan terbaik buat pemain untuk berusaha lebih gigih mengekalkan kejuaraan pada saingan akan datang.

"Gandingan pemain lama dan baru turut diharap menjadi pelengkap kekuatan pasukan yang mendapat soko-



**CERIA...pemain ragbi UiTM (jersi hitam) dan UTM bergambar selepas majlis penyampaian hadiah di Kuantan.**

ngan padu pihak universiti," katanya.

Dia ditemui selepas majlis penyampaian hadiah yang disempurnakan Presiden Kesatuan Ragbi Pahang, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman.

Tempat pertama kategori Shield milik Universiti Malaysia Pahang (UMP) ma-

nakala UniSZA muncul naib juara. Kategori bowl diungguli Universiti Putra Malaysia (UPM) selepas menewaskan Universiti Sains Malaysia (USM).

Lebih 1,000 atlet dari 17 universiti seluruh negara bersaing pada siri pertama membabitkan tiga acara, ragbi, taek-

wondo dan sepak takraw.

Dalam acara taekwondo, UPM dinobatkan juara manakala naib juara dimenangi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan UPSI menduduki tempat ketiga. Bagi acara sepak takraw, regu UiTM A muncul juara diikuti UPM dan UiTM B.